

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah ini.

Baca bahan di bawah ini dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Hujan, janganlah kau turun. Angin berhentilah meniup. Biarkan aku ke sekolah supaya aku boleh menjadi murid yang pandai.

Bawod menjerit-jerit lagi. Beluntung menoleh dan terlihat badan Bawod berlumuran lumpur. Bawod melangkah ke tepi jalan cuba mengelak lumpur tetapi langkah-langkahnya tersilap, kakinya terpijak lumpur juga.

Menyedari Bawod terhenti, Tuyog mematikan langkah dan menoleh. Hujan yang sebentar tadi agak reda, tiba-tiba bertambah lebat lagi. Bawod menjerit-jerit seperti meminta tolong. Tuyog menguak. Mendengar Bawod dan Tuyog bersahut-sahutan, Beluntung tiba-tiba berasa bahawa merekalah sahabat yang setia. Apabila teringat-ingatkan kegigihan Bawod menyeberangi sungai, Beluntung terus sahaja teringat peperiksaan yang akan dihadapinya. Sambil memerhati Bawod yang bersusah payah menarik kakinya yang terbenam, Beluntung berjanji kepada dirinya dia akan belajar bersungguh-sungguh. Kalau Bawod boleh menyeberangi sungai aku juga boleh lulus dengan cemerlang, bisik hatinya.

Loceng berbunyi. Murid-murid meninggalkan kelas menuju ke kantin dan ada juga yang ke padang. Beluntung *berjalan tergesa-gesa*. Kemudian berlari menuju ke arah Tuyog. Tuyog berlari ke sana ke mari. Bawod tidak ada. Ke mana Bawod? Beluntung memerhati sekeliling. Dia mencari di padang, di kebun sekolah dan di jalan raya, Bawod tidak ada. Loceng terus berbunyi. Murid-murid kembali ke kelas. Dengan langkah lesu Beluntung juga menuju ke kelas.

“Mmmmmmbbbbeek. Mmmmmmmmbbbbeek!”

“Kambing! Kambing! Kambing!” Beberapa orang murid menjerit.

Dipetik daripada cerpen “Bawod”,
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

11 Maksud rangkai kata *berjalan tergesa-gesa* ialah

- A berlari terburu-buru.
- B merangkak cepat-cepat.
- C bergerak dengan tertibnya.
- D melangkah dengan cepatnya.

12 Berdasarkan petikan, mengapakah Beluntung tidak makan di kantin pada waktu rehat?

- A Dia mencari Bawod.
- B Dia bermain dengan Tuyog.
- C Dia berjumpa dengan kawan-kawan sekelasnya.
- D Dia menunjukkan haiwan peliharaannya kepada kawan-kawannya.

- 13 Beluntung berasa Bawod dan Tuyong ialah sahabat yang setia kerana
- A Bawod dan Tuyong saling bersahutan.
 - B Bawod dan Tuyong sentiasa bersama-sama.
 - C Tuyong membantu Bawod menyeberangi sungai.
 - D Tuyong menunjukkan kesetiaannya kepada Bawod.
- 14 Berikut adalah antara latar masyarakat yang dipaparkan dalam petikan cerpen tersebut, **kecuali**
- A masyarakat murid yang berdikari.
 - B masyarakat murid yang gigih menuntut ilmu.
 - C masyarakat haiwan yang setia terhadap tuannya.
 - D masyarakat yang sayang akan haiwan peliharaan.
- 15 Pernyataan berikut benar berdasarkan petikan, kecuali
- A badan Bawod berlumuran lumpur.
 - B Bawod dapat menyeberangi sungai.
 - C Tuyog dan Bawod ada di dalam kelas Beluntung.
 - D Beluntung ke sekolah dalam keadaan hujan lebat.